

PERKUKUH susun semula peranan GLIC

BH- 13/8/2021 m/s: 2

20 inisiatif digaris capai lima hasil utama

Oleh Alzahrin Alias
dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan melancarkan inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) bagi menyusun semula peranan dan memperbaharui kemampuan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata PERKUKUH merangkumi 20 inisiatif bagi mencapai lima hasil utama iaitu mandat lebih jelas bagi setiap GLIC; peningkatan tumpuan terhadap pelaburan untuk pembangunan dan yang menjadi pemangkin untuk memacu pertumbuhan baharu serta meningkatkan kesan sosioekonomi.

Selain itu, katanya, menyemarakkan lagi pelaburan dalam sektor swasta sambil menyelaraskan peranan kerajaan dan agensinya dalam perniagaan; mewujudkan GLIC bersiap siaga menghadapi masa depan dengan tadbir urus, keupayaan dan strategi terbaik serta memperkukuhkan perlindungan sosial dan ketahanan fiskal.

“PERKUKUH secara asasnya bermula dengan pengiktirafan mandat, struktur pembiayaan dan profil risiko pelbagai GLIC terbabit. Khususnya, GLIC akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Dana Kekayaan Negara (SWF) merangkumi entiti seperti Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Menteri Kewangan (Diperbadankan) atau MOF Inc.

“Kategori kedua adalah pelabur institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),

Permodalan Nasional Bhd (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT),” katanya ketika melancarkan PERKUKUH secara maya, semalam.

Muhyiddin berkata, akan ada penyeimbangan semula fokus di antara pulangan kewangan dan hasil sosioekonomi dengan keutamaan utama adalah pelaburan modal berhemat melalui pendekatan lebih strategik dan disasarkan ke bidang pertumbuhan baharu.

Katanya, GLIC kategori Pelabur Institusi pula akan mempertahankan mandat memaksimumkan pulangan pencarum, sama ada pesara pada masa depan mahupun mereka yang ingin menunaikan haji, sambil memainkan peranan sinergistik dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

“Ini merangkumi pendekatan lebih mantap dan lebih berskala besar bagi merangkumi tanggungjawab sosial korporat serta menyokong keutamaan nasional seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta pembiayaan pelaburan hijau,” katanya.

Muhyiddin berkata, PERKUKUH juga akan mengoptimalkan operasi SWF dan Pelabur Institusi yang relevan dengan pengurusan kelas aset tertentu digabungkan mencapai ekonomi skala dan pulangan lebih baik.

“Dengan wujudnya mandat jelas, setiap GLIC berupaya menajamkan lagi fokus bagi peranan dipertanggungjawabkan dan memaksimumkan impak dalam portfolio serta bidang kepakaran masing-masing,” katanya.

Perdana Menteri berkata, PERKUKUH akan mendorong peruntukan modal optimum dan memperincikan lagi hasil disasarkan dalam bidang pertumbuhan baharu yang amat strategik.

“Untuk memastikan bidang ini selaras langkah dasar utama kerajaan seperti MyDigital, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Ber-

sama 2030 (WKB 2030) yang bakal dilaksanakan, saya akan memperkerusi Majlis Penyelarasan Pertumbuhan Baharu yang akan ditubuhkan.

“Ekosistem dibina bagi bidang pertumbuhan baharu dirancang memacu peningkatan pelaburan sektor swasta bagi jangka panjang. Khazanah Nasional Berhad misalnya, akan memulakan pembangunan ekosistem pertumbuhan baharu melalui Dana Impak bernilai RM6 bilion.

“Ketika ini, usaha giat dilakukan untuk memulakan pelaburan bersama beberapa pelabur institusi antarabangsa dan dana kekayaan negara lain,” katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, pelaksanaan PERKUKUH tidak mungkin diselesaikan dalam sehari dua dan tugas ini memerlukan pengorbanan tenaga serta masa untuk mencapai matlamat disasarkan.

“Saya memberi jaminan evolusi ini akan berjalan secara beransur-ansur, seiring pengukuhan peraturan dan kawalan sewajarnya. Saya juga menekankan usaha ini akan dilaksanakan selari amalan antarabangsa terbaik, yang mana definisi dan teknik pengendalian aset strategik berkembang melalui masa.

“Seperti juga keadaannya dengan semua program perubahan dan transformasi, amat penting untuk kita terus melangkah ke arah hala tuju yang sudah dikenal pasti, menyesuaikan diri dengan keadaan dan terus maju.

“Pelan kesinambungan kepimpinan bagi program ini adalah faktor kritikal yang akan menentukan bukan saja hasil PERKUKUH, tetapi juga masa depan negara,” katanya.

Susulan itu, beliau berharap ada pendekatan lebih tersusun dan bersifat anjal membabitkan pembangunan kepemimpinan sosioekonomi harus merangkumi program penggiliran bakat antara GLIC, GLC dan sektor awam.